

**Asmah, Collins, Dan Dialek Melayu: Pentafsiran Mengenai Gagasan Dan Implikasinya
Terhadap Grafisejarah Linguistik Melayu**

Asmah, Collins, and the Malay Dialect: Interpretation of Ideas and Its Implications for the Malay Linguistic Historiography

Mohd Tarmizi Hasrah^{*89}
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia
Email: mijihrasah@gmail.com

Abstrak

Makalah ini menganalisis gagasan atau idea tentang dialek dan dialektologi Melayu yang dikemukakan oleh dua orang bahasawan bahasa Melayu tersohor iaitu Asmah Hj. Omar dan James T. Collins. Berpedoman kepada pendekatan ‘Kesinambungan’ dan ‘iklim idea’ dalam grafisejarah linguistik, gagasan tentang dialek dan dialektologi Melayu oleh Asmah dan Collins dianalisis secara perbandingan. Analisis ini bertujuan untuk menonjolkan ciri-ciri istimewanya. Pada masa yang sama, makalah ini turut menelusuri sumber yang memberi ilham kepada Asmah dan Collins dalam membentuk gagasan dialek dan dialektologi mereka. Isu yang dibincangkan ini bukan sahaja berlegar-legar seputar persoalan dialek dan dialektologi Melayu, malah turut mengandungi implikasi tidak langsung kepada beberapa persoalan dalam grafisejarah linguistik Melayu secara umumnya.

Kata kunci: *grafisejarah, dialek, dialektologi, kesinambungan, iklim idea*

1. Pengenalan

Grafisejarah (*historiography*) linguistik di Malaysia bolehlah dikatakan sebagai sebuah cabang linguistik yang masih lagi belum mendapat perhatian yang sewajarnya daripada kalangan bahasawan. Tidak seperti di Eropah dan Amerika Syarikat, yang galak meneliti tradisi ilmu linguistik buatan mereka, dan juga tradisi ilmu linguistik buatan peradaban lain seperti India dan Arab, dengan adanya jurnal tersendiri, iaitu *Historiographica Linguistica* dan siri penerbitan oleh penerbit John Benjamins yang diketuai oleh E. F. K. Koerner, penelitian grafisejarah linguistik di negara kita masih lagi terkapai-kapai bagi mencari dahan atau ranting untuk bergayut agar tidak dihanyutkan arus deras kemajuan dalam cabang-cabang linguistik yang lain.

Pernyataan ini bukan bererti tidak ada langsung penelitian yang cuba bergerak ke arah penelitian grafisejarah linguistik. Sebenarnya, ada juga beberapa penelitian tentangnya. Karim Harun misalnya, menerusi kajian kedoktoran beliau (Karim 2006), yang diselia oleh James T. Collins, selain beberapa siri makalahnya, antaranya Karim & Maslida (2013), memang bermaksud memperkenalkan bidang penelitian grafisejarah linguistik di negara ini. Selain Karim, gurunya, Collins juga turut mengarang beberapa makalah, antaranya Collins (1996), yang secara nipisnya boleh dikatakan sebagai tercapuk dalam bidang historiografi linguistik Melayu. Raja Mashitah (2010) juga tidak ketinggalan dalam percubaannya mengarang biografi tokoh-tokoh bahasawan tertentu dengan menitik-beratkan aspek biografi dan sumbangan mereka dalam pembangunan bahasa dan linguistik Melayu.

⁸⁹ Juga merupakan calon Ph.D. di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM. Kini sedang bergulat dengan penyelidikan kedoktorannya yang berjudul “*Analisis Sejarah Fonologi dan Pengelompokan Dialek Melayu Hulu di Bahagian Timur Semenanjung Malaysia*”, yang diselia oleh Prof. Dr. Noriah Mohamed.

Walaupun terdapat beberapa karangan disebutkan di atas, namun hal yang pastinya ialah jumlah bahasawan yang menunjukkan kecenderungan untuk melakukan penelitian yang bersifat grafisejarah dan makalah-makalah yang terbit darinya masihlah terlalu kurang.

Dalam pada itu, bukan tidak ada karangan lain yang bernuansa historis selain penelitian yang dilakukan oleh Karim, Collins dan Raja Mashitah seperti yang telah disebutkan di atas. Namun begitu, karangan berkenaan selalunya terperangkap dalam dua penjara. Pertama, kecenderungan untuk meneliti perkembangan atau evolusi atau sejarah sesebuah bahasa dan dialek secara kronologi dan perbandingan. Penelitian secara kronologi terlihat dengan jelasnya dalam karangan misalnya yang membahaskan mengenai perkembangan atau sejarah bahasa Melayu menerusi pendekatan periodisasi, iaitu perkembangan dari satu zaman ke zaman yang lain sebagai penanda kemajuan bahasa tersebut, seperti period bahasa Melayu kuno, bahasa Melayu klasik, bahasa Melayu moden dan label-label lainnya. Manakala, penelitian bernuansa historis yang dikerjakan secara perbandingan ialah penelitian yang bernaung di bawah cabang linguistik sejarawi atau linguistik diakronik.

Kedua, karangan yang meneliti idea atau gagasan yang mendasari sesebuah faham linguistik. Walaupun terdapat karangan sebegini, namun begitu analisis dan tafsirannya tidak pula memberi penekanan kepada aspek perbandingan sebagaimana yang dicadangkan oleh para ahli grafisejarah linguistik. Analisis perbandingan perlu dilakukan kerana hasil daripadanyalah yang akan menyerlahkan proses dialogik sesebuah faham linguistik dengan faham lainnya, selain turut berupaya menjejaki asal usul faham-faham tersebut. Tanpa analisis perbandingan seperti ini menyebabkan analisis dan tafsiran yang terkandung dalam sesebuah karangan yang tercakup dalam kategori yang kedua ini boleh dikatakan sebagai 'terjemahan' atau 'olahan' semula dengan menggunakan bahasa yang lebih mudah. Hal ini bererti sesuatu idea atau gagasan mengenai faham linguistik yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh atau kelompok-kelompok tertentu hanya diulas atau disorot atau diringkaskan dengan harapan agar idea dan gagasan tersebut lebih mudah untuk dimengerti oleh para penekun dan peminatnya.

Selain dua perkara yang dinyatakan, terdapat satu perkara lagi yang patut disebutkan di sini memandangkan perkara ini merupakan perkara yang sangat asasi kepada makalah ini. Berkenaan dengan perkara yang dimaksudkan ini, bukan sahaja grafisejarah linguistik Melayu yang kelihatannya bermasalah, malah grafisejarah dialektologi pun turut mengalami sindrom yang sama. Hal ini demikian kerana tiadanya usaha-usaha ilmiah untuk mencuba dengan sedaya upayanya bagi memastikan sindrom tersebut berdaya diatasi. Dengan kata lain, tradisi linguistik Melayu (jikalau boleh disebut sebagai sebuah tradisi) masih ketandusan grafisejarah dialektologi.

Agak mudah untuk menjejaki punca yang memunculkan masalah ini. Masalahnya berkaitan dengan bidang dialektologi itu sendiri. Faktanya, dialektologi kurang diminati berbanding dengan cabang-cabang linguistik lain yang ditempelkan dengan istilah-istilah yang kononnya sarat dengan gema teoretis seperti generatifisme, strukturalisme, fungsionalisme dan sebagainya. Oleh sebab itu, sejak akhir tahun 1970-an, iaitu ketika Asmah menerbitkan monograf monumentalnya (Asmah 1977/1991), hingga sekarang, jumlah ahli dialektologi Melayu di Malaysia boleh dikira hanya dengan sebelah jari.⁹⁰⁹¹

9090

⁹¹ Jumlah ini disandarkan kepada pengamal dialektologi dalam maksud 'kajian dialek', iaitu sebuah cabang linguistik yang mengkaji penyebaran dialek dalam ruang geografi, penonjolan akan ciri-ciri istimewanya selain melakukan pengelompokan dengan ciri-ciri tersebut. bukannya dalam maksud 'dialektologi', iaitu penelitian yang menjadikan dialek sebagai objek penelitian dengan menggunakan teori-teori linguistik formal sebagai asas

2. Persoalan Seputar Grafisejarah Dialektologi

Keadaan ini sepatutnya membuatkan kita menggigil dan menggetap jari. Bagaimanakah mungkin sebuah cabang linguistik yang boleh dianggap sebagai pemerakarsa ilmu linguistik moden dipandang begitu sepi di negara ini? Collins, misalnya, telah berkali-kali berhujah dalam banyak tulisan beliau, antaranya (Collins 1989, 1999), bahawa dialektologi ialah cabang ilmu linguistik yang benar-benar berasaskan realiti, linguistik dan sosial.

Dengan realiti linguistik, hal ini bererti fakta-fakta (data) yang menjadi objek analisis dialektologi adalah hidup dan nyata. Hal ini demikian kerana fakta-fakta tersebut diperoleh langsung dari lapangan dan dari ujaran alamiah penutur natifnya. Dengan realiti sosial pula, hal ini bererti setiap fakta linguistik dianalisis secara akrab dengan komuniti penuturnya termasuk sejarahnya, budayanya, sistem nilainya dan kepercayaannya. Pada anggapannya, kesemua elemen ini ikut mempengaruhi fakta linguistik yang diujarkan oleh sesebuah komuniti (Dixon 2010).

Malangnya, di Malaysia, hakikat ini tidak begitu dihayati (Collins 1989). Panorama suram ini menimbulkan masalah kepada para peneliti yang cuba meneliti grafisejarah dialektologi Melayu. Walau bagaimanapun, barangkali ada sedikit cahaya di hujung sebuah lorong yang gelap. Cahaya tersebut kelihatan muncul dalam makalah ini. Hal ini demikian kerana makalah ini mencuba mendekati masalah yang disebutkan dengan sebuah pertanyaan: apakah yang boleh diteliti dalam grafisejarah dialektologi Melayu?

Secara bayangannya, jawapan kepada pertanyaan di atas tampak positif. Ertinya, banyak hal yang boleh diteliti dalam grafisejarah dialektologi Melayu. Faktanya, dialektologi bukannya sebuah cabang linguistik yang tercipta secara *creatio ex nihilo*, tetapi ada para pendahulunya, ada pemulanya. Walaupun pengamal dialektologi Melayu tidak begitu ramai di negara ini, lazimnya mereka setia dengan tradisi sedia ada. Sehubungan dengan itu, analisis mengenai gagasan, metodologi dan silsilah atau sumber yang mengilhaminya menjadi mungkin.

Dengan bayangan jawapan yang positif tersebut, maka makalah ini berkenan menganalisis gagasan tentang dialek dan dialektologi oleh dua orang bahasawan tersohor, Asmah Hj. Omar dan James T. Collins. Dengan berpedoman kepada pendekatan 'Kesinambungan' (*Continuity*) dan 'Iklim idea' (*Climate of Ideas*) dalam grafisejarah linguistik, gagasan kedua-duanya dianalisis secara perbandingan, yakni untuk menonjolkan ciri-ciri istimewanya. Selanjutnya, analisis yang bersifat historis dilakukan bagi menjejaki sumber yang mengilhami pembinaan gagasan tersebut. Satu hal yang pasti ialah perbincangan makalah ini bukan sahaja berlegar-legar seputar isu dialek Melayu, tetapi turut mengandungi implikasi yang tidak langsung kepada beberapa persoalan grafisejarah linguistik Melayu secara umumnya.

3. Asmah, Collins dan Dialektologi Melayu

Sebelum membincangkan gagasan dialek dan dialektologi Melayu oleh Asmah dan Collins, elok dipaparkan maklumat ringkas tentang mereka berdua ini. Mungkin kepada para bahasawan dan para peminat bahasa, apa-apa yang dipaparkan dalam bahagian ini hanyalah sekadar peneguh kepada pengetahuan yang sedia ada; dan, kepada yang berada di luar bidang keilmuan yang berhubung kait dengan hal-hal kebahasaan adalah diharapkan maklumat ringkas mengenai Asmah dan Collins ini berupaya memberi sesuatu yang baharu. Perlu dinyatakan bahawa inti

teoretisnya; lihat Ajid (1990) tentang perbezaan orientasi kajian dialek dan dialektologi; lihat juga kritikan Collins (1999) terhadap dikotomi ini.

pemaparan ini bukan bersifat biografi, tetapi sekadar mempersembahkan maklumat secercah mata tentang kedua-dua bahasawan sekurang-kurangnya bagi menjawab pertanyaan mengapakah Asmah dan Collins wajar dijadikan bahan cerapan ilmiah.

Sebenarnya, sosok yang bernama Asmah Hj. Omar dan James T. Collins sangatlah tidak asing dalam linguistik Melayu. Sehubungan dengan itu, tidak perlulah maklumat yang berjela-jela untuk memperkenalkan mereka; maklumat ringkas pun sudah memenuhi untuk tujuan itu.

Asmah Hj. Omar ialah sarjana pertama di Malaysia yang menerima ijazah kedoktoran dalam bidang linguistik, iaitu pada perhujung tahun 1960-an di SOAS, University of London. Dengan kajian beliau tentang pemerian deskriptif bahasa Iban, Asmah mengambil jarak daripada faham linguistik yang menjadi *zeitgeist* ketika itu, terutamanya di Amerika Syarikat, linguistik benuansa Chomskyan yang lebih dikenali sebagai generatifisme. Jarak yang diambil membezakan Asmah dengan ramai sarjana linguistik Melayu yang berpegang erat dengan faham gereratifisme seperti yang terkenal empat orang kolaborator yang mengarang Tatabahasa Dewan, iaitu Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmud.

Selain bertindak sebagai pemegang gelar Dr. pertama dalam bidang linguistik di Malaysia, dari segi grafisejarah dialektologi juga nama Asmah punya auranya yang tersendiri. Apa tidaknya, pada penghujung tahun 1970-an, Asmah mengarang monograf pertama yang meneliti kepelbagaian dialek-dialek Melayu dengan sistematik (Asmah 1977/1991). Yang dimaksudkan dengan sistematik di sini adalah dalam pengertian kajian tersebut mencakupi analisis fonologi, pengelompokan dan pemetaan. Walaupun terdapat karangan yang lebih awal, misalnya Ismail Hussein (1973), dan karangan-karangan yang kebanyakannya dihasilkan secara impresionistik oleh para pegawai kolonial British, ternyata karangan-karangan ini hanya melibatkan analisis fonetik dan fonologi.

Selain monograf tersebut, Asmah turut mengarang sebuah karya yang boleh disifatkan sebagai *magnum opus*nya dalam dialektologi Melayu. Karya tersebut berjudul *Susur Galur Bahasa Melayu* (selepas ini *Susur Galur* sahaja) yang diterbitkan pada tahun 1985, dan cetakan edisi keduanya pada tahun 2008. Dalam karya ini, Asmah telah menganalisis sistem fonologi hampir keseluruhan dialek-dialek Melayu di Malaysia yang dokumentasinya ada pada ketika itu. Hasilnya, karya ini merupakan sebuah karya cemerlang yang sarat dengan informasi asas tentang penyebaran, sistem fonologi dan pengelompokan dialek-dialek Melayu.

James T. Collins ialah seorang sarjana kelahiran Amerika Syarikat. Sepanjang kegiatan akademiknya sebagai bahasawan dan Austronesiawan, intensi beliau yang terpenting adalah untuk mendokumentasikan kepelbagaian dialek Melayu seNusantara. Collins bermula dengan penelitian kedoktoran yang meneliti hubungan sejarawi bahasa-bahasa di Maluku tengah, Indonesia sekitar tahun 1970-an. Penelitian ini kemudiannya diterbitkan dalam siri *Pacific Linguistics*, Australia National University, pada tahun 1983. Setelah itu, berderet-deretlah karangan beliau tentang dialek-dialek Melayu. Antara karangan Collins tentang dialek Melayu yang penting kerana berjaya mengubah tanggapan tentang pengelompokan dan metodologi kajian dialek ialah karangannya tentang dialek Ulu Terengganu (Collins 1983a), dialek Pahang (Collins 1983b), dialek Sarawak (1987) dan dialek Hulu Tembeling (Collins 1998).

Karangan-karangan ini bukan sahaja membahaskan sistem fonologi, malah turut membincangkan proses fonologi yang kompleks, unik dan khas dialek-dialek tersebut. Selain perbincangan tentang aspek linguistik yang internal, karangan-karangan ini juga memaparkan

peta-peta penyebaran dialek dengan isoglos-isoglos yang memisahkan sebuah kawasan dialek dengan kawasan-kawasan lainnya.

Daripada huraian ringkas tentang Asmah dan Collins di atas, maka boleh disimpulkan sekurang-kurangnya dua alasan yang mewajarkan kedua-duanya dijadikan bahan penelitian di sini. Pertama, Asmah dan Collins boleh dikategorikan sebagai pendahulu dalam kajian dialek di Malaysia. Dengan pendahulu, bermakna mereka berdua telah meletakkan asas teoretis dan metodologis kepada kajian-kajian dialek Melayu selepasnya. Kedua, disebabkan Asmah dan Collins ialah pendahulu, maka perkembangan ilmu dialektologi Melayu boleh dijejaki titik mulanya. Lazimnya, titik permulaan inilah yang akan mempengaruhi perjalanan sejarah ilmu dialektologi Melayu.

4. Kesenambungan dan Iklim Idea

Huraian dalam bahagian-bahagian di atas membuktikan bahawa penelitian grafisejarah dialek dan dialektologi Melayu bukanlah sekadar angan-angan. Penelitian sebegini sangat mungkin untuk dikerjakan. Namun begitu, satu persoalan timbul apabila memikirkan arah penelitian ini: apakah pendekatan yang sesuai untuk menganalisis gagasan dialek dan dialektologi yang dikemukakan oleh Asmah dan Collins? Persoalan pendekatan ini wajib diberi perhatian khusus. Hal ini demikian kerana jika sekiranya pendekatan yang dipilih tidak cocok dengan fenomena yang cuba dirungkaikan, dalam kes ini gagasan dialek dan dialektologi Melayu, maka dibimbangi makalah ini akan turut terperangkap dalam masalah yang dinyatakan di bahagian pengenalan.

E. F. K. Koerner, salah seorang ahli grafisejarah linguistik yang tersohor dan mendunia namanya, ada memberi cadangan jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan di atas. Koerner mencadangkan beberapa pendekatan yang perlu dipertimbangkan dalam usaha untuk menganalisis sejarah idea atau sejarah linguistik. Antara pendekatan yang dicadangkan oleh Koerner (1978, 1989, 1995, 2004) ialah Kesenambungan lawan ketidaksinambungan dan iklim idea.

4.1 Kesenambungan

Idea asas tentang Kesenambungan ialah setiap gagasan keilmuan tidak bersifat *tabula rasa*, yakni bermula dengan kekosongan, lalu muncul secara tiba-tiba. Sejarah idea ialah sejarah tentang dialog. Ahli falsafah agung Jerman, Hegel, mengatakan tentang perkara ini sebagai dialektika: tesis, anti-tesis dan sintesis, dan pengulangan proses dialektika tersebut tanpa henti. Sejarah idea juga demikian. Perkembangan idea terjadi apabila berlakunya proses dialog dengan idea-idea sebelumnya. Sama ada idea baharu yang lahir hasil daripada dialog tersebut murtad daripada idea-idea sebelumnya atau tetap berteguh setia dengannya tidaklah menjadi persoalan. Hal ini demikian kerana DNA idea-idea yang digubal oleh para pendahulu itu tetap muncul dalam idea-idea yang baharu. Ketidaksinambungan pula adalah kebalikan daripada Kesenambungan, yakni sesebuah idea muncul secara sendiri-sendiri tanpa ada proses dialog atau dialektika.

Demikianlah ilmu linguistik berkembang. Walaupun ramai ilmuwan yang berbicara tentang revolusi dalam linguistik, namun ramai juga ilmuwan yang membantahnya. Dengan revolusi, dalam pengertian Kuhnian, bererti idea-idea baharu (falsafah, teori dan metodologi) berpisah secara total dengan idea-idea sebelumnya. Dalam linguistik, telah dikatakan bahawa sekurang-kurangnya dua kali revolusi terjadi. Pertama, revolusi Neogrammarian pada penghujung abad

ke-19 (Christy 1983). Kedua, revolusi Chomskyan (Searle 1972) yang disinonimkan dengan Noam Chomsky. Kedua-dua revolusi ini dikatakan bercerai tolak tiga dengan falsafah, teori dan metodologi linguistik sebelumnya: Neogrammarian dengan faham uniformitarianisme berpisah dengan katastropisme; manakala Chomskyan dengan faham rasionalisme dan mentalisme berpisah dengan strukturalisme dan taksonimisme Saussurean dan Bloomfieldan selain berpisah dengan psikologi Skinneran.

Walau bagaimanapun, idea tentang revolusi dalam linguistik ditolak oleh ramai ilmuwan, antaranya Koerner (2004) dan Aarsleff (1970). Bagi Koerner dan Aarsleff, tidak ada revolusi dalam linguistik, dan tidak relevan pun untuk bercakap tentangnya. Revolusi Neogrammarian tidak pernah terpisah daripada tradisi sebelumnya, sebaliknya tetap mengambil dan menginovasikan idea yang dikemukakan oleh August Schleircher. Manakala revolusi Chomskyan juga tetap terbangun daripada analisis struktural, taksonomi dan transformasi yang pernah dicadangkan oleh guru Chomsky, Zellig Harris. Kedua-duanya, iaitu Koerner dan Aarsleff berpendapat bahawa idea revolusi linguistik tidak relevan disebabkan objek cerapan ilmiahnya ialah bahasa manusia yang kelihatannya hanya melibatkan dua dimensi: dalaman dan luaran.

4.2 Iklim Idea

Jika Kesenambungan merujuk kepada perkembangan idea yang berantai, manakala Iklim Idea melihat perkembangan idea dalam bentuk jaringan. Seperti sarang labah-labah, setiap jaringan kait-mengait antara satu sama lain. Jaringan yang membentuk iklim idea bukan hanya berkait dengan dimensi dalaman sesebuah idea keilmuan, tetapi turut melibatkan dimensi luaran. Dimensi dalaman merujuk kepada dialog dan krisis yang terjadi dalam sesebuah ilmu itu sendiri; manakala dimensi luaran merujuk kepada faktor-faktor seperti politik, ekonomi, sosial dan sistem nilai. Kedua-dua dimensi, dalaman dan luaran, bersama-sama mempengaruhi perkembangan dan kemajuan sesebuah idea keilmuan.

Disertasi kedoktoran Karim (2006) sangat sesuai untuk dijadikan contoh tentang pengaruh Iklim Idea dalam tradisi linguistik Melayu. Dalam penelitian ini, Karim membahaskan karangan nahu bahasa Melayu abad ke-17 yang ditulis oleh Frederick de Houtman, Sebastian Dankearts dan Joannes Roman. Antara pertanyaan yang cuba dijawab oleh Karim ialah mengapakah ketiga-tiga nahu bahasa Melayu ini ditulis sebegitu rupa? Jawapan kepada pertanyaan ini secara tidak langsungnya membawa Karim menjejaki dorongan kepada penulisannya dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

Memang, dorongan untuk menulis karangan tentang bahasa Melayu pada abad ke-17 tiada lain daripada kepentingan pragmatik yang dimiliki bahasa ini, yakni sebagai lingua franca. Maka, untuk berpetualang ke Alam Melayu, pengetahuan bahasa Melayu adalah suatu kewajipan. Kesemua karya nahu yang dibahaskan oleh Karim secara asasnya dikarang atas dorongan ini. Jadi, dorongan pragmatik ini, yakni kepentingan ekonomi dan politik, dikategorikan sebagai dimensi luaran dalam Iklim Idea.

Mengarang nahu sebuah bahasa yang tidak memiliki karya nahu memang merupakan masalah. Lebih-lebih lagi ilmu linguistik, terutamanya linguistik tipologi dan dokumentasi linguistik, masih belum terbangun sebagai sebuah disiplin ilmu yang sistematik pada abad ke-17. Jadi, sama de Houtman, Dankkaerts mahu pun Roman, masing-masing memerlukan model untuk dicocokkan kepada aturan nahu bahasa Melayu yang mereka ingin hasilkan. Nah, ketiga-tiganya telah menoleh ke dalam tradisi penulisan nahu mereka sendiri, iaitu tradisi penulisan nahu bahasa Latin dan bahasa Belanda. Walau bagaimanapun, tumpuan utamanya terarah

kepada nahu bahasa Belanda disebabkan pada abad ke-17 juga sedang rancaknya perbahasan tentang. Jadi, kesan perbahasan mengenai nahu bahasa Belanda yang menghasilkan karangan nahunya ikut mempengaruhi karangan dan pembentukan sistem nahu bahasa Melayu dalam karangan yang dibahaskan oleh Karim.

Menerusi contoh ini, dapat dilihat interaksi dimensi dalaman dan luaran yang membentuk jaringan Iklim Idea ikut mempengaruhi keadaan sesebuah ilmu. Jadi, penerapan Iklim Idea dalam grafisejarah dialek dan dialektologi Melayu mungkin berupaya menganalisis isu dan persoalan mengenainya dengan lebih berpada.

5. Dialek dan Dialektologi Melayu dalam Gagasan Asmah

Ada tiga karangan penting untuk memahami gagasan tentang dialek dan dialektologi Melayu yang dikemukakan oleh Asmah, iaitu Asmah (1977/1991, 1985/2008, 1995). Walau bagaimanapun, penekanan yang lebih perlu diberikan kepada Asmah (1985/2008). Hal ini demikian kerana dalam karangan ini Asmah membincangkan secara terperinci mengenai prinsip asas, teori dan metodologi kajian dialek Melayu. Oleh sebab itulah walaupun Asmah (1977/1991, 1995) kurang penting berbanding Asmah (1985/2008), namun kedua-duanya tidak boleh disisipkan ke sisi seolah-olah tidak mengandungi sebarang kepentingan pun. Tegasnya, untuk memahami sistem pemikiran seseorang tentang sesuatu hal atau fenomena, maka karangan-karangan yang dihasilkannya perlu dilihat secara menyeluruh, iaitu dalam pengertian menelaah kesemua karangan termasuklah (jika ada) korespondensi dan catatan peribadi (Koerner 1989). Walau bagaimanapun, dalam kasus Asmah, memadai karangan-karangan yang disebutkan sebagai mewakili keseluruhan gagasannya tentang dialek dan dialektologi Melayu.

Untuk menyelak gagasan dialek dan dialektologi Asmah, mula-mulanya perlu difahami keyakinan dasar tentang matlamat kajian dialek yang dipegang oleh beliau. Mengenai hal ini, Asmah berkeyakinan bahawa setiap analisis dialek bukan semata-mata untuk memerikan atau mendeskripsi sistem linguistik sesebuah dialek. Misalnya, memerikan sistem fonetik dan fonologi, sistem morfologi, morf fonologi, sistem sintaksis dan lain-lainnya. Matlamat kajian dialek sebenarnya lebih daripada sekadar pemerian sistem linguistik. Matlamatnya menjangkau dimensi historis. Yakni, hasil pemerian sistem linguistik sesebuah dialek dipakai untuk merungkai sejarah dialek dan penutur dialek berkenaan. Asmah menegaskan matlamat ini dengan ungkapan pemerian sinkronik untuk menghasilkan kesimpulan diakronik.

Bagi membolehkan kesimpulan diakronik disembulkan dengan berpada daripada pemerian sinkronik, Asmah beranggapan bahawa perubahan dialek terjadi secara beransur-ansur, bukannya secara mengejut. Dalam proses sejarahnya yang beransur-ansur itu, ditambah dengan pemisahan matra ruang dan matra masa, dialek-dialek menjadi terpisah daripada induknya, sama ada menjadi sub-subdialek kepada dialek tertentu, atau menjadi dialek-dialek tersendiri, atau lebih ekstrem lagi menjadi bahasa-bahasa tersendiri. Terpisahnya dialek kepada sub-subdialek atau dialek-dialek dicerminkan oleh sistem linguistiknya, terutamanya sistem fonetik dan fonologi. Pemisahan bermakna adanya perbezaan atau ciri khusus dalam sistem linguistik sesebuah dialek. Akan tetapi, menurut Asmah, fakta ini tidak mutlak. Hal ini demikian kerana di samping perbezaan, atau ciri khusus, terdapat ciri warisan bersama, atau persamaan, yang mewajarkan sub-subdialek atau dialek-dialek berkenaan berhubungan erat antara satu sama lain. Hal ini bererti setiap sub-subdialek atau dialek-dialek tidak pernah terpisah secara mutlak, tetapi berada dalam suatu jaringan yang rantai-merantai antara satu subdialek atau dialek dengan subdialek atau dialek lain.

Tanggapan mengenai jaringan dialek yang berantai bukan berarti tidak ada jalur perubahan dialek. Bagi Asmah, walaupun dialek terbentuk dalam suatu jaringan, namun jalur perubahan lazimnya sehalu. Jalur ini ditentukan bukan menerusi faktor linguistik semata-mata tetapi ditentukan faktor luaran; malah, kelihatannya faktor luaran inilah yang paling berpengaruh dalam menentukan jalur perubahan. Mengenai perkara ini, ideanya adalah dalam jaringan dialek terdapat sebuah kawasan yang berpengaruh dari segi linguistik dan bukan linguistik. Pengaruh yang dimiliki oleh kawasan berkenaan berupaya menentukan arah perubahan atau difusi dialek ke kawasan-kawasan lain. Kawasan yang berpengaruh ini digelar sebagai kawasan pusat yang lazimnya merupakan pusat budaya, politik, ekonomi dan sosial.

Asmah meringkaskan gagasan beliau tentang dialek dan dialektologi Melayu menerusi tujuh tanggapan asas, iaitu:

- i. Matra ruang geografi dan matra waktu sama-sama mempunyai peranan dalam pewujudan kepelbagaian dialek dalam sesuatu bahasa.
- ii. Kepelbagaian dialek boleh disebabkan oleh faktor-faktor demografi, sosio-budaya, dan juga sejarah.
- iii. Kadar taburan penduduk mempunyai perkaitan dengan perubahan bahasa; perubahan akan lebih pesat dan lebih banyak berlaku dalam kawasan yang pada penduduknya.
- iv. Perubahan bahasa pesat berlaku di kawasan pusat budaya atau kawasan tumpuan dibandingkan dengan kawasan pinggiran, dan bahawa perubahan lebih cepat berlaku dari satu kawasan pusat ke kawasan pusat yang lain yang dibandingkan dengan dari kawasan pusat ke kawasan pinggiran.
- v. Arus perubahan ialah dari kawasan pusat ke kawasan pinggir bukan sebaliknya.
- vi. Sesuatu kawasan bahasa atau dialek itu tidak mengalami perubahan yang seragam, tetapi berbeza dari satu kawasan atau subkawasan ke kawasan atau subkawasan yang lain.
- vii. Dialek-dialek yang berbeza mempunyai arus perkembangan tersendiri, di samping menyambung hubungannya dengan dialek-dialek lain untuk memperteguhkan persamaan yang diwarisinya, dan juga mempengaruhi satu sama lain dalam perkembangan masing-masing.

Jadi, dengan tujuh tanggapan asas, bagaimanakah penelitian dialek Melayu dapat dikerjakan? Bagi menjawab pertanyaan ini, penerapannya dalam penelitian Asmah perlu dipaparkan. Dalam karya *Susur Galur*, Asmah ada menerapkan tanggapan asas ini ke dalam metodologi penelitian dialek Melayu. Jika disintesis, akan didapati bahawa metodologi yang didasarkan kepada tanggapan asas ini memerlukan beberapa andaian. Pertama, penamaan dialek adalah mengikut nama negeri. Kedua, sempadan dialek adalah tetap, iaitu berdasarkan sempadan politik kenegerian. Ketiga, dialek yang terdapat di sesebuah negeri dirantaikan oleh sub-subdialek. Keempat, rangkaian dialek dihubungkan dari sebuah kawasan pusat (iaitu kawasan dialek) ke kawasan pinggir (iaitu kawasan sub-subdialek). Kelima, jalur perubahan adalah dari kawasan pusat ke kawasan pinggir.

Kelima-lima andaian ini sangat jelas terkandung dalam metodologi yang diterapkan oleh Asmah. Misalnya, dalam Bab 15 karya tersebut Asmah membincangkan mengenai dialek Pahang. Dialek Pahang ialah dialek yang dituturkan di sebuah entiti politik yang dikenali sebagai negeri Pahang moden. Dialek Pahang standard ialah dialek yang terdapat di daerah Pekan. Penentuan ini dikaitkan dengan peranan Pekan sebagai pusat budaya dan politik negeri Pahang. Menurut Asmah, difusi dialek terjadi dari Pekan ke daerah-daerah lainnya. Artinya, apa-apa sahaja yang terjadi dalam sistem linguistik subdialek Pekan akan ikut mempengaruhi subdialek-subdialek lainnya.

6. Dialek dan Dialektologi Melayu dalam Gagasan Collins

Collins dan dialek Melayu merupakan dua kata yang tidak terpisahkan; yang satu meneguhkan yang lain. Tidak seperti Asmah yang kebanyakan kegiatan linguistiknya bercempera, kegiatan linguistik Collins berlegar-legar seputar, antara lainnya, dialektologi, linguistik sejarahwi, etimologi dan grafisejarah linguistik. Pendek kata, kegiatan linguistik Collins bertumpu pada linguistik diakronik.

Walau bagaimanapun, dialektologi kelihatannya menduduki posisi yang sentral dalam kegiatan linguistik beliau. Manakan tidaknya, dialek Melayu merupakan khazanah kebudayaan Melayu (Collins 1989: xviii). Di sana, informasi tentang sistem nilai dan peradaban Melayu bisa diungkapkan. Maka, kepupusan dialek adalah ancaman terbesar. Kepupusan dialek bererti hilangnya epistemologi lokal yang bitara dan berdaya dalam menginovasikan ilmu-ilmu kontemporer sebagaimana yang kerap dihujahkan oleh gerakan Pemeribumian Ilmu (Shaharir 2010). Sehubungan dengan kesedaran ini, maka sasaran dialektologi (Collins 1989: xix) ialah (i) pendokumentasian dialek untuk tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan, dan (ii) penghasilan maklumat ilmiah yang dapat diolah dalam pembentukan masyarakat mutakhir.

Jikalau demikianlah sasarannya, maka bolehlah dikatakan bahawa dialektologi merupakan cabang linguistik yang penting. Penelitiannya bukan sahaja mengandungi dimensi teoretis, malah sekali gus dimensi praktis. Kedua-dua dimensi ini berguna dalam pembangunan peradaban dan keilmuan.

Persoalannya, apakah yang Collins maksudkan dengan dialek dan dialektologi? Menurut Collins (1989: xx), dialek ialah suatu ragam bahasa yang dapat dibezakan dengan agak tegas daripada ragam-ragam lain melalui ciri-ciri lafaz, kosa kata atau tatabahasa. Maka, dialektologi ialah ilmu yang meneliti sifat linguistik di dalam suasana sosial tertentu atau di dalam ruang geografi tertentu (Collins 1989: xx). Menurut Collins (1999: 135) lagi, terdapat dua ciri asasi dialektologi. Pertama, dialektologi mengutamakan perakaman dan perbandingan data. Dalam hal ini, setiap ahli dialektologi mesti mencemar duli untuk turun ke lapangan. “Merengung dan bertapa atau menyalin catatan orang lain tidak memadai dalam pendekatan dialektologi,” demikian tegas Collins (1999: 135). Kedua, dialektologi mengambil kira hubungan bahasa dengan sejarah sosial masyarakat penuturnya. Berkenaan dengan perkara ini, Collins menegaskan bahawa perilaku masyarakat dan kajian dialek saling terikat sehingga dialektologi sanggup menerangkan keadaan sosial. Maka, simpul Collins, dialektologi berlandaskan maklumat lapangan dan berlunaskan bahasa dan masyarakat.

Huraian di atas menimbulkan pertanyaan: apakah yang menjadi keghairahan para ahli dialektologi? – apakah yang mereka cari sebenarnya? Terdapat dua perkara yang cuba dirunut oleh ahli dialektologi (Collins 1999: 136). Pertama, pemerian dialek yang dengan sendirinya mengharuskan analisis dan pentafsiran leksikal dan tatabahasa. Kedua, pengolahan segala pemerian untuk menghasilkan penyusunan suatu teori tentang penyebaran dialektal, baik penyebaran daerah mahu pun penyebaran sosial. Kedua-duanya, jikalau dikerjakan dengan teliti, akan menghasilkan (i) informasi tuntas tentang jumlah penyebaran dan ciri-ciri dialek, (ii) dokumentasi epistemologi dan khazanah budaya, dan (iii) penyusunan tatabahasa dan kamus etimologi.

Daripada huraian yang diberikan, boleh dikatakan bahawa dialektologi, dalam gagasan Collins lebih bersifat terbuka. Selagi objek kajiannya ialah dialek-dialek daerah, maka semuanya tercakup dalam bidang dialektologi. Selain itu, dialektologi juga tidak dikekang oleh sebarang

metodologi yang tegas. Hal ini demikian kerana tujuannya adalah untuk memeri dan menganalisis sistem linguistik dialek-dialek daerah. Sehubungan dengan itu, selagi tujuan ini dipenuhi, maka tidak timbul persoalan tentang teori atau pendekatan yang dipakai.

Walau bagaimanapun, tafsiran ini bukan bererti bahawa dialektologi yang dicadangkan oleh Collins bukan membentuk cabang linguistik yang tersendiri. Collins tetap beranggapan bahawa dialektologi ialah cabang linguistik yang utuh yang memiliki falsafah, prinsip, teori dan metodologi yang tersendiri. Pernyataan ini terbukti dalam penelitian beliau, antaranya Collins (1983, 1987, 2007), apabila penerapan teori dan metodologi yang dimaksudkan sangat jelas. Misalnya, penentuan inovasi dan retensi, pengelompokan dan pemetaan yang menggunakan isoglos. Jadi, walaupun tafsiran sebelum ini melihat dialektologi sebagai cabang linguistik yang terbuka, namun yang sebenarnya dialektologi juga merupakan sebuah cabang linguistik yang utuh.

Dalam usaha untuk merangka penelitian dialektologi Melayu, Collins menyedari satu hakikat yang sejak sekian lama mendasari tradisi kajian dialek Melayu. Menurut Collins (1999: 156-7), hakikat yang dimaksudkan merujuk kepada

“... adanya andaian-andaian yang terselindung, yang bersifat prasaintifik, dan mungkin antisaintifik. Segala andaian yang berdasar pada prasangka muncul berkali-kali dalam kajian dialek Melayu dan andaian demikian benar-benar menghambat kemajuan dalam usaha mengenal pasti dan klasifikasi dialek Melayu. Andaian yang seumpama itu secara tidak disedari menyempitkan pandangan para penyelidik, dan, justeru kerana andaian ini tidak dinyatakan, diakui atau dibincangkan, maka kesan yang diakibatkannya lebih-lebih lagi merosakkan.”

Collins mengemukakan empat andaian yang beliau maksudkan dengan petikan di atas. Pertama, daftar kanonik dialek Melayu, iaitu penerimaan daftar dialek Melayu sejak turun temurun walaupun tanpa landasan empirikal. Kedua, grid sempadan negeri, iaitu sempadan yang memisahkan negeri-negeri Malaysia moden boleh menjadi dasar bagi mengklasifikasi dialek Melayu. Ketiga, grid sempadan antarabangsa, iaitu konsepsi yang menganggap dialek Melayu hanyalah dialek-dialek Melayu di Malaysia. Keempat, mentaliti enklaf etnik, iaitu konsepsi yang menganggap dialek Melayu hanya dituturkan oleh Melayu jati di Malaysia.

Keempat-empat andaian inilah yang menghambat kemajuan dialektologi Melayu. Menurut Collins (1999: 169), “label, klasifikasi dan pertimbangan politik telah menjerumuskan dan menjebak segala kajian dialektologi Malaysia ke dalam kancas pasir jerlus yang menggugat kemajuan selanjutnya.” Maka, untuk bergerak ke hadapan, andaian-andaian ini perlu ditimbang secara kritikal. Bukan secara membuang kesemuanya, tetapi setiap satu perlu diperhalusi, dikritik dan yang paling penting perlu disandarkan dengan bukti empirikal dan penelitian yang menyeluruh sebelum kesemuanya dapat digantikan dengan andaian yang lebih munasabah dan saintifik (Collins 1999: 169).

Untuk memahami perspektif baharu yang cuba dibawa oleh Collins bagi memperbaiki andaian-andaian dialektologi sedia ada adalah dengan melihat dialek sebagai suatu rangkaian yang tidak ada sempadan mutlak lebih-lebih lagi sempadan politik. Dialek terjalin dalam kontinum yang melampaui sempadan politik. Dengan melihat dialek dalam suatu kontinum, maka keempat-empat andaian di atas secara automatiknya tertolak. Walau bagaimanapun, timbul satu masalah di sini: bagaimanakah klasifikasi dialek dapat dilakukan jika tidak dipakai sempadan politik? Pertanyaan ini dijawab dengan menjejaki tabii pola kependudukan masyarakat tradisional

Melayu sebelum munculnya entiti politik moden. Para sejarawan dan purbawan berpendapat bahawa masyarakat tradisional Melayu menjadikan lembangan sungai dan pesisir pantai sebagai kawasan hunian mereka. Hal ini disebabkan sungai dan laut merupakan sumber penghidupan mereka. Keadaan ini sama sahaja seperti masyarakat Melayu moden yang tinggal di pinggir-pinggir jalan raya.

Collins mengambil idea sejarawan dan purbawan ini dan menjadikannya sebagai prinsip asas dalam penelitian dialek Melayu. Prinsip tersebut ialah topografi, seperti lembangan sungai dan pesisir pantai, merupakan elemen asas dalam mempengaruhi penyebaran dan klasifikasi dialek-dialek Melayu. Tegas Collins (1999: 155),

“seandainya tidak mengetahui sejarah petempatan Melayu tradisional dan juga maklumat yang mendalam tentang sekian banyak dialek Melayu yang dituturkan di kawasan-kawasan yang ditinggalkan itu, kita tidak akan dapat meneliti, menghuraikan dan memahami difusi semasa yang moden serta kepelbagaian dialek daerah dan sosial.”

Dengan menjadikan topografi sebagai prinsip asas, maka kecenderungan Collins adalah untuk meneliti dialek-dialek Melayu tradisional. Dialek Melayu tradisional lazimnya dituturkan di lembangan sungai tertentu terutamanya di kawasan hulu atau di kawasan pedalaman yang frekuensi kontakannya sangat rendah. Disebabkan lokasinya yang terisolasi, dialek-dialek di kawasan ini menjadi katalis dalam pembinaan teori penyebaran dan teori pengelompokan dialek Melayu. Hal ini terbukti misalnya dalam beberapa penelitian yang dilakukannya di Ulu Terengganu, di Hulu Tembeling, di Pulau Tioman, di lembangan Sungai Kapuas, Sungai Sekadau dan Sungai Saribas.

Hasil penelitian tersebut membenarkan andaian bahawa dialek-dialek di sesebuah lembangan sungai membentuk sebuah kontinum atau rangkaian inovasi yang kait-mengait antara satu sama lain. Rangkaian ini membolehkan dimensi sejarawi, iaitu pengelompokan dan evolusi sistem linguistik, dialek-dialek tersebut disimpulkan. Selain itu, persoalan historis yang lain misalnya tentang jalur migrasi, jalur difusi dan kontak yang berpengaruh dalam aspek linguistik dan sosial para penuturnya juga berupaya dijejaki dengan lebih saksama berbanding dengan penjelasan yang ditampilkan oleh keempat-empat andaian yang sangat ditentang oleh Collins.

7. Persamaan dan Perbezaan Gagasan Asmah dan Collins

Disebabkan ruang yang terbatas, hanya satu persamaan dan satu perbezaan yang akan disentuh dalam bahagian ini.

7.1 Persamaan

Asmah dan Collins berpegang kepada faham Uniformitarisme: pemerian sinkronik untuk menarik kesimpulan diakronik. Kedua-duanya meneliti dialek-dialek Melayu bukan semata-mata untuk memerikan bentuk-bentuk dan ciri-ciri linguistik dialek-dialek semasa. Tujuan mereka melampaui pemerian. Asmah dan Collins ingin menjawab pertanyaan historis, iaitu mengapakah sesebuah dialek memiliki ciri yang dimilikinya pada masa sekarang? Apakah yang terjadi dalam sistem linguistik dialek berkenaan sehingga dialek berkenaan memiliki bentuk dan ciri semasanya?

7.2 Perbezaan

Perbezaan gagasan Asmah dan Collins sangat jelas. Dalam *Susur Galur*, Asmah menerapkan prinsip dan metodologi yang samar-samarnya cocok dengan label andaian terselindung, prasaintifik dan antisaintifik (Collins 1999: 156-7), yaitu dengan menjadikan pusat politik dan kebudayaan sebagai sumber difusi dialek dan sempadan politik kenegerian sebagai sempadan dialek. Collins bertolak daripada prinsip topografi yang meletakkan dialek-dialek Melayu di kawasan-kawasan hulu dan pedalaman atau dialek-dialek yang dituturkan di kawasan-kawasan yang terisolasi sebagai dialek yang sepatutnya diteliti. Hal ini demikian kerana Collins menganggap dialek-dialek Melayu di kawasan-kawasan berkenaan mengandungi ciri-ciri aneh yang menyimpang dari rumus umum dialek Melayu.

8. Dari Manakah Segala-Galanya Terilham?

Isu yang cuba dijawab dalam bahagian ini ialah dari manakah Asmah dan Collins memperoleh ilham bagi mencipta gagasan dialek dan dialektologi Melayu sebagaimana yang dibincangkan di atas? Pertanyaan ini dijawab menerusi kedua-dua pendekatan grafisejarah linguistik, iaitu Kesenambungan dan Iklim Idea.

Daripada perbincangan tentang gagasan dialek dan dialektologi Asmah dan Collins, ternyata kedua-duanya tetap berteguh sedia dengan tradisi sedia ada. Salah satu tradisi yang dimaksudkan ialah Uniformitarianisme.

Christy (1983) menjelaskan bahawa Uniformitarianisme ialah faham yang diyakini oleh majoriti bahasawan Eropah pada abad ke-19 terutamanya oleh Neogrammarian. Uniformitarianisme pada awalnya diperkenal oleh ahli geologi, Charles Lyle. Faham ini diterapkan ke dalam linguistik oleh para Neogrammarian. Para uniformitarian percaya bahawa perubahan bahasa terjadi secara beransur-ansur serta memakan masa yang lama, mungkin ribuan tahun. Disebabkan perubahannya beransur-ansur, maka kemungkinan untuk menjejaki alur perubahan dalam proses sejarah itu boleh dilakukan dengan menjadikan dialek semasa sebagai sandaran empirisnya. Hal ini demikian kerana dialek-dialek semasa berkenaan merupakan waris langsung daripada dialek purba; dengan waris bererti dialek-dialek semasa mengandungi fosil-fosil dialek purba tersebut. Sangat terasa faham uniformitarianisme dan metodologi uniformitarian melekat kemas dalam gagasan dan metodologi dialek dan dialektologi Asmah dan Collins.

Selain Uniformitarianisme, Asmah menyusun tujuh tanggapan asas dialek dan dialektologi berdasarkan kepada teori gelombang yang pernah diperkenalkan oleh bahasawan Jerman pada akhir abad ke-19 dahulu, iaitu Wilhelm Schmidt. Teori gelombang secara asasnya menganggap difusi dialek bergerak daripada satu kawasan ke kawasan yang lain. Setiap kawasan yang dikecap oleh difusi ini memiliki hubungan linguistik sama ada hubungan inovasi (perubahan) atau retensi (pengekalan). Sumber difusi ialah kawasan yang memiliki prestij dari segi linguistik dan bukan linguistik (politik, ekonomi dan kebudayaan). Kawasan-kawasan lain yang kurang prestij menerima difusi dari kawasan tersebut. Anggapan teori gelombang dimanfaatkan sebaik mungkin oleh Asmah terutamanya dalam *Susur Galur*. Oleh sebab itulah dalam karya ini setiap dialek yang dibahasakan memiliki kawasan dialek (kawasan pusat) yang menyebarkan ciri linguistiknya ke kawasan subdialek (kawasan pinggir).

Collins juga demikian akrab Neogrammarian dan pasca-Neogrammarian selain dialektologi tradisional aliran Amerika Syarikat. Aliran linguistik ini membekalkan andaian kepada Collins bahawa dialek-dialek di kawasan-kawasan yang tingkat kontakannya sangat rendah merupakan

warisan langsung kepada bahasa atau dialek purba. Sehubungan dengan itu, jikalau mahu menyelesaikan persoalan historis tentang bahasa atau dialek purba berkenaan, maka penelitian dialek-dialek di kawasan-kawasan tersebut adalah suatu kewajipan.

Beberapa orang sejarawan dan purbawan seperti Bronson (1978), Miksic (1978), Andaya (1993) dan Barnard (2003) menyatakan dengan tegasnya bahawa penemuan arkeologi, rekod-rekod sejarah dan bukti-bukti sosio-budaya menunjukkan yang pembentukan peradaban di Alam Melayu dicirikan oleh jaringan lembangan sungai. Di setiap lembangan sungai terutamanya di kuala-kuala sungai terbentuknya entiti politik. Walau bagaimanapun, entiti politik tersebut tidak wujud sendirian. Pembangunan dan kemajuannya disumbangkan oleh dinamika hubungan dengan kawasan hulu yang membekalkan barangan mentah untuk perdagangan dan bekalan ketenteraan. Dinamika hubungan hulu-hilir ini secara tidak langsungnya ikut meninggalkan kesan kepada difusi dan penyebaran dialek. Pada anggapannya, dialek-dialek di hulu lebih konservatif, atau banyak meretensikan ciri bahasa purba; manakala, dialek-dialek di hilir lebih inovatif disebabkan kontak yang berterusan dengan masyarakat luar.

Idea mengenai keterikatan lembangan sungai dengan pola kependudukan masyarakat Melayu seperti yang dicadangkan oleh para sejarawan dan purbawan diterapkan dalam gagasan dialek dan dialektologi Melayu yang dikemukakan oleh Collins. Oleh sebab itulah dalam penelitian beliau, bermula dengan penelitian dialek Melayu Ulu Terengganu yang dilakukannya pada tahun 1983 sehinggalah kepada penelitian beliau yang terkini yang kebanyakannya tertumpu di pulau Borneo, lembangan sungai sememangnya menjadi asas terpenting bagi membentuk kerangka konseptualnya.

9. Kesimpulan: Grafisejarah Dialektologi Versus Grafisejarah Linguistik

Sebelum menamatkan perbincangan, sedikit renungan tentang grafisejarah dialektologi dan grafisejarah linguistik Melayu umumnya wajar ditampilkan. Daripada perbincangan yang telah dipersembahkan, dapat difahami bahawa grafisejarah melibatkan isu-isu tentang sejarah idea atau sejarah ilmu. Lazimnya, penekanan utama dalam menelusuri sejarah idea atau ilmu ini adalah tentang ketulenan dan kebitaraan faham-faham keilmuan yang dihasilkan oleh individu-individu tertentu. Tanpa perkara ini grafisejarah hanya semata-mata naratif atau penceritaan sejarah, tidak lebih dan tidak kurang. Oleh sebab itulah kebanyakan penelitian grafisejarah linguistik di Eropah dan Amerika Syarikat lazimnya memfokuskan kepada perkembangan faham-faham linguistik yang memiliki ketulenan yang jelas dan tersendiri sama ada yang diasosiasikan secara perkumpulan seperti faham linguistik Yunani, Rom, Neogrammarian, Neolinguistica, generatifisme, strukturalisme dan lain-lain, ataupun yang diasosiasikan kepada tokoh-tokoh tertentu seperti Bloomfield, Sapiran, Saussurean, Greenbergian, Chomskyan dan sebagainya.

Jika diperhatikan tabii ilmu grafisejarah ini, maka kita tidak lepas daripada menanyakan satu soalan: wujudkah sebuah cabang ilmu linguistik yang digelar sebagai grafisejarah linguistik Melayu? Jawapan kepada soalan ini memerlukan sejarah linguistik Melayu itu ditilik. Darihil sejarah linguistik Melayu, didapati bahawa, yang dimaksudkan dengan linguistik Melayu itu ialah tradisi penelitian tentang bahasa dan dialek Melayu yang diserlahkan dengan menerapkan falsafah, teori dan metodologi linguistik dari luar Alam Melayu, iaitu linguistik Sanskrit, Arab, Latin dan Belanda serta Inggeris. Jadi, tidak ada teori falsafah, teori dan metodologi linguistik Melayu yang tulen yang berlainan daripada falsafah, teori dan metodologi tradisi linguistik yang dinyatakan. Dengan fakta ini, maka soalan yang ditimbulkan di atas ternyata memberi jawapan

negatif, iaitu jika tidak ada falsafah, teori dan metodologi linguistik Melayu yang tulen, maka tidak adalah perkara yang akan dianalisis oleh ilmu grafisejarah.

Persoalannya, benarkah demikian? Atau, mungkin huraian di atas terlalu cepat mengambil kesimpulan? Barangkalinya yang wajar ditanyakan ialah persoalan tentang orientasi grafisejarah linguistik Melayu, bukannya persoalan tentang wujud atau tidak grafisejarah linguistik Melayu. Jika persoalan tentang orientasi disembulkan, maka yang sebenarnya patut dinilai ialah keseluruhan matlamat ilmu grafisejarah. Adakah berpada dengan hanya menumpukan kepada falsafah, teori dan metodologi yang tulen dan unggul sahaja? Atau, yang juga patut diberikan perhatian ialah persoalan sejarah dan perkembangan sesebuah tradisi linguistik dan bagaimana amalan penelitiannya dilakukan bagi membolehkan sebuah tradisi linguistik terbentuk.

Rujukan

- Aarsleff, Hans. 1970. The history of linguistics and Professor Chomsky. *Language*, 46 (3): 570-585.
- Ajid Che Kob. 1990. Dialektologi di Malaysia: retrospeksi dan prospek. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin (ed.), *Seminar sehari siri II: teori linguistik dan cabaran dalam dekad '90*. Bangi: Jabatan linguistik, UKM.
- Andaya, B. W. 1993. *To live as brothers: Southeast Sumatera in the seventeenth and eighteenth centuries*. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Asmah Hj. Omar. 1977/1991. *Kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.
- Asmah Hj. Omar. 1985/2008. *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.
- Asmah Hj. Omar. 1995. *Rekonstruksi fonologi bahasa Melayu induk*. Kuala Lumpur: DBP.
- Barnard, T. 2003. *Multiple centers of authority: Society and environment in Siak and eastern Sumatera, 1674-1827*. Leiden: KITLV Press.
- Bronson, B. 1978. Exchange at the upstream and downstream ends: Notes toward a functional model of the coastal state in Southeast Asia. Dlm. Karl L. Hutterer (ed.). *Economic Exchange and Social Interaction in Southeast Asia: Perspective from Prehistory, History, and Ethnography*, hlm. 39-52. Ann Arbor: Center for South and Southeast Asian Studies, The University of Michigan.
- Christy, C. 1983. *Uniformitarianism in linguistics*. Amsterdam & Philadelphia: John Benjamins.
- Collins, J. T. 1983a. *Dialek Ulu Terengganu*. Monograf 8, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. 1987. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: DBP.

- Collins, J. T. 1989a. Malay dialect research in Malaysia: the issue of perspective. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 145: 235–264.
- Collins, J. T. 1989b. *Antologi Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.
- Collins, J. T. 1996. *Khazanah dialek Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Collins, J. T. 1998. Dialek Melayu Hulu Tembeling: Menjejaki sejarah Semenanjung. *Jurnal Dewan Bahasa* 2: 145-157.
- Collins, J. T. 1999a. *Wibawa bahasa: Kepiawaian dan kepelbagaian*. Kuala Lumpur: DBP.
- Collins, J. T. 1999b. Negeri dan bahasa: Sempadan politik, sempadan linguistik. Dlm. Wan Hashim Wan Teh dan Daniel Perret (Pnysn.), *Di sekitar konsep negeri*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Collins, J. T. 2007. *Pemetaan dialek Melayu se-Alam Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Dixon, R. M. W. 2010. *Basic linguistic theory, vol. 1*. Oxford: OUP.
- Ismail Hussein. 1973. Malay dialects in Malay peninsula. *Nusantara* 3 (1): 69-79.
- Karim Harun. 2006. *Sejarah linguistik: tiga nahu Melayu abad ke-17*. Tesis doktor falsafah, Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM.
- Karim Harun & Maslida Yusof. 2013. Tenses in 17th Malay grammar: Dutch perspectives. *GEMA Online Journal of Language Studies* 13 (2): 135-148.
- Koerner, E. F. K. 1978. *Toward a historiography of linguistics: Selected essays*. Leiden: John Benjamins.
- Koerner, E. F. K. 1989. *Practicing linguistic historiography*. Leiden: John Benjamins.
- Koerner, E. F. K. 1995. *Professing linguistic historiography*. Leiden: John Benjamins.
- Koerner, E. F. K. 2004. *Essays in the history of linguistics*. Leiden: John Benjamins.
- Miksic, J. N. 1978. Archeology and palaeogeography in the straits of Malacca. Dlm. Karl L. Hutterer (ed.). *Economic Exchange and Social Interaction in Southeast Asia: Perspective from Prehistory, History, and Ethnography*, hlm. 155-175. Ann Arbor: Center for South and Southeast Asian Studies, The University of Michigan.
- Raja Mashitah Raja Ariffin. 2010. *Cendekiawan bahasa Melayu dalam tradisi kesarjanaan Barat*. Serdang: UPM.
- Searle, J. 1972. Chomsky's revolution in linguistics. Dlm. *New York Review of Books*, 29 Jun: 16-24. Dicitak semula dalam G. Harman (ed.) *On Noam Chomsky: Critical essay*. Garden City: Anchor Books.